

No. 3202.

[Subseksyen 64(2)]

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 64(2)]

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 2173 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* pada 2 Julai 2009, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], Menteri Besar Selangor telah mengisytiharkan bahawa petak tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan di atas Pelan Hasil Ukur No. P.A. 71592 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor, adalah dirizabkan bagi maksud awam bagi tujuan kawasan lapang dan dikawal oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor:

Dan bahawasanya, melalui Sel. P.U. 17/1984 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* pada 7 Jun 1984, Raja dalam Mesyuarat telah mewakilkan perjalanannya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara kepada Menteri Besar Selangor:

Dan bahawasanya, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Menteri Besar Selangor supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

Dan bahawasanya, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual berserta dengan butir-butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, Tingkat Empat, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40576 Shah Alam, Selangor untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut peruntukan seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan juga telah disiarkan di dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* sebagai Sel. G.N. No. 1766 pada 25 April 2019:

Dan bahawasanya, tiada apa-apa bantahan diterima terhadap cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual:

Maka oleh yang demikian, Menteri Besar Selangor, pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat yang diwakilkan kepadanya sebagaimana yang disebut terdahulu, membatalkan perizaban tanah yang diperihalkan dalam Jadual.

JADUAL

Daerah—Petaling. Mukim—Damansara. No. Pelan—P.A. 71592. No. Lot—38163.  
Luas—8442 meter persegi.

Bertarikh 28 Julai 2019  
[PTD.P 11/10/2018/MPSJ;  
P.U. Sel. (ADV) PS. 05/4/3 Jld. 6]

AMIRUDIN BIN SHARI  
*Dato' Menteri Besar*  
*Selangor*